

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Northern Corridor Research Centre (NCRC)
Sent: Thursday, November 01, 2012 9:39 AM
To: UUM - All Staff
Subject: NCRC TERIMA KUNJUNGAN HORMAT DARI YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YaPEIM)



Pusat Penyelidikan
Koridor Utara

RESEARCH CENTRE

Universiti Utara Malaysia

01 NOVEMBER 2012 / 16 ZULLHIJAH 1433H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
 (THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

NCRC TERIMA KUNJUNGAN HORMAT DARI YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YaPEIM)

NCRC ONLINE : 31 Oktober 2012, Northern Corridor Research Centre (NCRC) telah menerima kunjungan hormat daripada pihak Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) untuk menjalin hubungan kerjasama serta membincangkan berkaitan Program Pembasmian Kemiskinan.

Sebagai permulaan kepada usahasama ini, satu program telah dipersetujui untuk dilaksanakan dalam masa terdekat dengan pembiayaan oleh pihak YaPEIM. Program tersebut merupakan Majlis Dialog Pembasmian Kemiskinan bersama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP). Program ini akan diadakan pada hujung bulan November 2012 di Pusat Islam UUM.

Kunjungan tersebut telah diketuai oleh Pegawai Pusat Pentadbiran Negeri YaPEIM En. Azli bin Abdullah dan juga Pegawai Khas Pejabat Ketua Pengarah YaPEIM Zon Utara En. Mohd Idham bin Mohamed Yunus. Delegasi disambut oleh Prof Madya Dr. Rohana Yusof selaku Pengarah dan kakitangan NCRC.